

STRATEGI PENGIMARAHAN MASJID MELALUI GAYA KEPIMPINAN NAZIR MASJID DI SELANGOR
STRATEGY OF ENLIVEMENT THE MOSQUE THROUGH NAZIR LEADERSHIP STYLE IN SELANGOR

Muhammaad Yusuf Marlon Abdullah^{1*}, Halim Mokhtar², Mariam Binti Abd Majid³, Zulkefli Haji Aini⁴

¹ Pensyarah, KUIS, yusufmarlon@kuis.edu.my.

² Pensyarah Kanan, KUIS, halim@kuis.edu.my.

³ Prof. Madya, KUIS, mariam@kuis.edu.my.

⁴ Pensyarah Kanan, UKM, zulaini@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Masjid merupakan lambang utama dalam menjana kegemilangan umat Islam di sepanjang zaman. Sejarah telah membuktikan betapa masjid telah memainkan peranan yang amat besar dalam konteks membina dan memacu pembangunan umat Islam dalam pelbagai aspek. Oleh itu, kepimpinan masjid perlu memainkan peranan penting dalam usaha mengurus dan mengimarahkan masjid. Kepimpinan yang bijak dan cekap serta bertanggungjawab menjadi pemangkin utama kecemerlangan masjid. Kajian ini mengenalpasti strategi pengimarahkan masjid melalui gaya kepimpinan Nazir masjid di Selangor. Strategi pengimarahkan masjid perlu diperincikan bagi memastikan usaha pengimarahkan dan pengurusan masjid sebagai 'one stop center' dapat direalisasikan. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif iaitu menggunakan pengedaran soal selidik untuk mendapatkan data utama. Kajian ini melibatkan seramai 200 responden yang telah menjawab borang soal-selidik tersebut. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mengenalpasti strategi pengimarahkan Masjid Kariah Negeri Selangor. Bagi menentukan dimensi strategi pengimarahkan Masjid Kariah Negeri Selangor, data telah dianalisis menggunakan min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menemukan empat strategi pengimarahkan masjid melalui gaya kepimpinan nazir iaitu attention, interest, desire dan action. Daripada analisis statistik deskriptif yang dijalankan, nilai-nilai yang diperolehi bagi setiap item tersebut adalah; min = 4.37, sp = 0.46 (*attention*), min = 4.15, sp = 0.44 (*interest*), min = 4.15, sp = 0.47 (*desire*), min = 3.84, sp = 0.53 (*action*). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa strategi pengimarahkan masjid yang dilaksanakan melalui kepimpinan nazir mampu meningkatkan pengimarahkan sesebuah masjid.

Kata kunci

Strategi, institusi masjid, gaya kepimpinan, pengimarahkan masjid, pengurusan.

Abstract

The mosque is the main symbol in generating the glory of Muslims throughout the ages. History has shown how mosques have played a huge role in the context of building and driving the development of Muslims in various aspects. Therefore, the leadership of the mosque needs to

play an important role in managing and enlivening the mosque. Wise, efficient and responsible leadership is the main catalyst for mosque excellence. This study is to identify the strategy of enlivening the mosque through the leadership style of the nazir mosque in Selangor. The strategy of enlivening the mosque needs to be detailed to ensure that the efforts of enliven and manage the mosque as one stop center can be realized. Data were obtained through a quantitative research through the issuance of a set of questionnaires and a total of 200 respondents who answered the questionnaire. Descriptive statistical analysis was used to identify the strategy of enlivenment the mosque state of Selangor. To determine the dimensions of the strategy enlivening the mosque state of Selangor, the data were analyzed using mean and standard deviation. The results of the study found four strategies of enlivenment the mosque through nazir leadership style is attention, interest, desire and action. From the descriptive statistical analysis conducted, the values obtained for each item are; min = 4.37, sp = 0.46 (attention), min = 4.15, sp = 0.44 (interest), min = 4.15, sp = 0.47 (desire), min = 3.84, sp = 0.53 (action). Overall shows that the strategy of enlivening the mosque implemented through the leadership of nazir is able to increase enlivenment the mosque.

Keywords

Strategy, mosque institutions, leadership style, enlivenment of a mosque, management.

1.0 Pengenalan

Institusi masjid dan pengimarahannya mempunyai hubungkait yang sangat rapat di mana masjid itu berperanan sebagai *one stop center* seluruh umat Islam khususnya. Malah jika disebut tentang masjid, masyarakat kebanyakannya akan bertanya tentang program dan pengimarahannya yang telah dilakukan oleh masjid itu sendiri. Masjid itu sendiri menandakan lambang perpaduan umat Islam. Oleh itu untuk melaksanakan program dan pengimarahannya di masjid bagi kebaikan umat Islam khususnya, perancangan dan tatacara itu perlu dikenal pasti malah mengetahui intipati disebalik pengimarahannya serta kesan yang akan dilakukan. Hal ini kerana masyarakat memandang mudah pada setiap yang dilakukan oleh masjid. Bagi sesetengah mereka yang lain ada juga yang mengatakan bahawa masjid tidak ada fungsi melainkan hanya untuk ibadah semata-mata. Dengan itu kita akan merungkai beberapa elemen penting yang perlu diambil berat oleh masyarakat Islam dan ahli jawatankuasa masjid khususnya bagi mengimarahkan masjid dengan cara dan pengisian yang bermanfaat.

2.0 Kepimpinan Masjid

Kepimpinan masjid memainkan peranan penting dalam usaha mengurus dan mengimarahkan masjid. Kepimpinan yang bijak dan cekap serta bertanggungjawab menjadi pemangkin utama kecemerlangan masjid. Pemimpin yang berkesan dapat mengenalpasti, menunjukkan cara dan menguatkuasakan nilai yang menyokong pencapaian misi dan visi sesebuah organisasi (Hailan, 2010), banyak kajian yang melihat kepemimpinan antara faktor penting dan memainkan peranan sebagai agen perubahan organisasi khususnya kajian-kajian yang dijalankan sejak tahun 1960-an dan 1970-an.

Pemimpin unggul biasanya berkeperibadian dan mempunyai latar belakang nilai yang mantap dengan visi yang futuristik. Namun, banyak kajian kurang mengaitkan kepemimpinan berkesan dengan keperibadian. Pemimpin seharusnya memainkan peranan menjelaskan kepentingan nilai dalam setiap amalan pekerjaan. Nilai yang bertunjangan prinsip dan falsafah hidup dapat menjelaskan keyakinan dan sikap ahli

bertanggungjawab terhadap organisasi. Keadaan ini akan dapat melahirkan amalan yang menjadi garis panduan dalam organisasi.

Menurut Ismail Noor (2002) pemimpin seharusnya mengambil kira pertimbangan nilai yang menghubungkan dirinya dengan Allah s.w.t. dan juga dirinya sesama manusia (*hablum min Allah wa hablum min al-nas*). Faktor kepemimpinan dilihat boleh mempengaruhi PSH di masjid. Oleh itu pemimpin yang cekap, jujur, bertanggungjawab dan berwawasan mampu menggerakkan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dengan berkesan, fungsi masjid juga dapat dipertingkatkan dan diperluaskan bagi menjadikan masjid sebagai salah satu institusi pendidikan.

Visi dapat diertikan sebagai visi yang dapat melahirkan idea yang ideal menggambarkan hasrat sebuah organisasi yang ingin dicapai. Ia berkait dengan peruntukan masa yang memerlukan strategi untuk mencapainya. Pemimpin yang memimpin dalam sesebuah organisasi biasanya Visi juga ada kaitan dengan nilai dan simbol ke arah perubahan (Hailan, 2010). Pemimpin kebiasaannya mempunyai visi dan misi yang jelas untuk dicapai. Seorang pemimpin yang berjaya biasanya mempunyai visi dan misi yang boleh diikuti oleh semua orang di dalam organisasinya. Ini adalah kerana organisasi yang ditadbir mereka mempunyai garis panduan untuk dijadikan laluan untuk berjaya. Oleh itu, seorang pemimpin yang ingin berjaya hendaklah mempunyai misi dan visi yang mampu membawa organisasi tersebut ke puncak kejayaan.

Pemimpin hendaklah meletakkan atau menggariskan visi dan misi yang terbaik daripada keadaan yang ada sekarang. Ia juga hendaklah berupaya menggambarkan dan menerangkan visi dan misi itu kepada individu-individu lain sehingga dapat difahami oleh para pengikutnya (Abdullah & Aion, 2011). Sekiranya seorang pemimpin tidak mempunyai visi dan misi untuk organisasinya, maka dengan mudahnya individu-individu dibawahnya tidak dapat memahami arah tuju organisasi yang dipimpin. Visi itu mungkin bermula dengan seorang sahaja, tetapi ia hanya dapat dijayakan dengan usaha orang ramai (John C. Maxwell, 2011).

Oleh itu, pemimpin tersebut hendaklah memahami visi yang hendak dicapai supaya setiap misi yang diusahakan membuahkan hasil dan memberi kejayaan. Aktiviti-aktiviti dan program-program yang dirancang seharusnya berpandukan atau merujuk kepada misi dan visi masjid. Sekiranya pemimpin menggariskan misi dan visi yang jelas, ahli jawatan kuasa atau kakitangan masjid akan merancang dan bergerak selari dengan apa yang telah digariskan. Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di masjid perlu merangkumi keempat-empat tunjang PSH iaitu pengetahuan, kemahiran, pembangunan insan dan kemasyarakatan.

3.0 Matlamat Pengimaran Masjid

Masjid merupakan asas utama kepada kewujudan Islam di sesuatu tempat. Pembinaan masjid menjadi perkara terpenting dalam sesebuah masyarakat Islam. Lantaran itu, semasa penghijrahan Rasullullah SAW dari Mekah ke Madinah, pembinaan masjid telah menjadi aktiviti pertama baginda dalam penubuhan Daulah Islamiyyah. Masjid memainkan peranan utama ketika Rasullullah SAW mengajar umat Islam tentang kebaikan dan menghimpunkan mereka untuk menunaikan ibadat kepada Allah SWT. Allah SWT telah menjelaskan didalam al-Quran dalam surah at-Taubah (9):108.

لَا تَقُومَ فِيهِ أَبَدًا لَّمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِيَوْمٍ أَلْحَقُ أَنْ
تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ١٠٨

Maksudnya:

“Kerana sesungguhnya masjid (Qubaa’ yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan diatas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihani yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).”

Kedudukan masjid yang menjadi tempat untuk menunaikan rukun Islam yang kedua, iaitu solat memainkan peranan terpenting dalam pencegahan kemungkaran dalam masyarakat, membina masyarakat yang berjaya, melahirkan masyarakat yang bersatu dan kuat serta berilmu. Oleh itu kedudukan tinggi masjid dalam Islam bukan sahaja kerana masjid merupakan tempat untuk menunaikan fardu sembahyang tetapi juga peranannya yang lain seperti:

4.0 Tempat Suci Untuk Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT

Masjid merupakan tempat yang paling suci untuk umat Islam kerana masjid merupakan tempat untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Jin (72):18.

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ١٨

Maksudnya:

“Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata, maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah.”

Kerana kesucian masjid maka Allah menjadikan masjid sebagai tempat yang dimakmurkan oleh orang-orang yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran, sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Taubah (9): 18.

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ سَعَىٰ أَوْلِيكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ١٨

Maksudnya:

“Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka dalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.

5.0 Lambang Perpaduan Umat Islam

Sejarah membuktikan bahawa kedudukan masjid dalam Islam amat tinggi. Masjid adalah lambang perpaduan umat Islam. Sejak masjid yang pertama dibina dalam Islam hingga ke hari ini masjid merupakan tempat umat Islam bertemu dan mengeratkan tali silaturrahim antara satu sama lain lima kali sehari. Lebih daripada itu pelbagai aktiviti yang dijalankan di masjid, seperti iktikaf, majlis-majlis ilmu dan sebagainya, boleh mengeratkan ukhwah Islamiyyah.

Jelas sekali bahawa masjid adalah asas dalam menguatkan ta'aruf umat Islam pada setiap hari. Dengan itu masjid akan dapat menguatkan ukhwah Islamiyyah dan seterusnya akan menguatkan institusi sosial masyarakat Islam. Ini berlaku kerana semua yang berada di masjid mempunyai satu matlamat, yakni untuk mengabdikan diri kepada Allah dan bukan untuk tujuan keduniaan yang dipenuhi dengan hasad dan dengki, malah persaingan di masjid akan menguntumkan perasaan kasih sayang dan mahabbah.

Rasullullah SAW telah menjelaskan bahawa komitmen dengan masjid akan menjadi pelindung kepada kejahatan dan was-was syaitan. Sabda Rasullullah SAW.

Maksudnya:

“Sesungguhnya syaitan merupakan serigala terhadap manusia seperti serigala kepada kambing yang menangkap kambing yang terasing maka jauhkanlah diri kami dari menyisihkan diri, hendaklah kamu bersama dengan kumpulan, masyarakat umum dan masjid.”

6.0 Masjid Tempat Penyebaran ilmu

Masjid merupakan institusi ilmu yang pertama dalam Islam. Para sahabat mendapat ilmu dan tarbiah daripada Rasullullah SAW di masjid. Mereka memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan di masjid sehingga mereka muncul sebagai pimpinan Islam yang agung yang berjuang untuk menegakkan Islam yang agung yang berjuang untuk menegakkan Islam dan menyebarkannya ke seluruh dunia sehingga kita dapat merasai nikmat iman dan Islam pada hari ini. Tradisi menjadikan masjid sebagai pusat ilmu dapat dilihat pada zaman-zaman permulaan Islam hingga ke hari ini. Masjidil Haram, Masjid Nabawi, Masjid Al-Azhar contohnya tetap unggul menjadi pusat penyebaran ilmu Islam hingga sekarang.

Rasullullah SAW menjadikan Masjid Nabawi sebagai pusat penyebaran ilmu kepada umat Islam Madinah dan delegasi-delegasi yang datang dari luar. Proses pembelajaran berlaku sama ada melalui mimbar ataupun halaqah-halaqah. Para sahabat baginda juga sentiasa menjadikan Masjid Nabawi dan masjid-masjid yang dibina di negara-negara yang dibuka oleh mereka sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan. Tokoh-tokoh seperti Abdullah Mas'ud, Abu Hurairah, Abu al-Darda', Abu Zar al Ghifari, dan ramai lagi merupakan sahabat-sahabat baginda yang sentiasa mendampingi Masjid dan menjadikan Masjid sebagai tempat menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

7.0 Memahami Pentingnya Urus Tadbir Dalam Pengimarah

Masjid adalah rumah Allah yang didirikan bukan sahaja sebagai tempat suci bagi umat Islam melakukan aktiviti peribadatan, tetapi juga merupakan institusi penting untuk membangunkan tamadun manusia, menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan, pusat kemajuan ekonomi ummah, pusat penyebaran maklumat dan pusat kegiatan sosial kemasyarakatan setempat.

Masjid harus diurus tadbir secara professional kerana masjid adalah lambang kekuatan umat Islam. Allah SWT telah menegaskan dalam al-Quran bahawa orang yang bertindak sebagai pemakmur rumah Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan beriman dengan hari akhirat serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut kepada sesiapa selain Allah SWT.

Urusan tadbir urus masjid secara sistematik juga disebut oleh Rasullullah SAW. Kenyataan ini berdasarkan satu hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi, bermaksud Allah SWT mencintai seseorang hamba-Nya yang mengerjakan sesuatu pekerjaan itu secara cemerlang (itqan). Mengerjakan sesuatu pekerjaan seperti yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah cara urus tadbir masjid dengan cemerlang.

Menurut Ibn Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah Ibn Khaldun menyebut bahawa pengurusan masjid yang cemerlang pada zaman awal kebangkitan Islam dapat melahirkan ramai tokoh ulama yang bertebaran di seluruh dunia Islam. Sebaliknya kelemahan dan kejatuhan umat Islam kini adalah berpunca daripada kelemahan kepimpinan dalam pengurusan institusi masjid. Institusi masjid tidak berfungsi secara menyeluruh dan berkesan bagi menarik masyarakat mencintainya. Ini kerana urus tadbir masjid tidak terurus dengan baik dan kebanyakan ditadbir secara kaedah yang kurang berkesan.

Masjid juga hendaklah ditadbir urus mengikut keperluan semasa bagi membuktikan bahawa masjid tetap relevan sebagai intitusi ritual yang mampu membangunkan masyarakat Islam dengan cemerlang. Malahan semua sifat pengurusan masjid secara professional seperti berilmu, berorganisasi, bermatlamat, berwawasan, inovatif, kerja berpasukan, memberi pengarah, kepatuhan kepada amir (ketua), berdisiplin dan sebagainya sememangnya telah wujud dalam konsep solat berjemaah.

Dalam ajaran Islam, pengurusan dan pentadbiran masjid lagi berkualiti sangat dititik beratkan. Jika sistem urus tadbir sesuatu masjid berada dalam keadaan lemah, maka fungsi sebagai multi perubahan masyarakat tidak tercapai. Hal ini telah diungkapkan Rasullullah SAW dalam satu hadis yang bermaksud; "Apabila sesuatu urusan itu

diserahkan kepada seseorang yang bukan bidang kepakarannya, maka tunggulah saat kehancurannya". Pada dasarnya pengurusan Islam adalah berhubung dengan tugas dan tanggungjawab, mematuhi dan menghormati bidang kuasa, mematuhi peraturan undang-undang rasmi serta bekerja mengikut carta hierarki organisasi. Disamping itu, saling mengamalkan tingkah laku yang baik dengan mengharapkan ganjaran pahala daripada Allah SWT.

Jika diperhatikan dari aspek pengurusan dan pentadbiran masjid mutakhir ini jauh berbeza berbanding dengan zaman keagungan Islam. Masjid pada zaman Rasullullah SAW secara umum lebih berfungsi sebagai pusat melakukan ibadat setempat, pusat penyebaran dakwah, pusat pengukuhan ekonomi umat Islam, pusat pentadbiran negara bertindak sebagai mahkamah untuk menjatuhkan hukuman, sebagai balai pertemuan untuk musyawarah dan sebagainya.

Sementara itu, menurut Wan Mohamad bin Abdul Aziz, mengatakan bahawa fungsi masjid di Malaysia lebih tertumpu sebagai pusat beribadah dan pusat pengajian fardu ain. Sehingga kini didapati banyak seminar dan persidangan telah diadakan bagi membincangkan isu dan kepentingan umat Islam bertujuan untuk memartabatkan institusi masjid, namun kedudukan dan fungsi masjid masih belum sampai ke tahap yang memuaskan iaitu sebagaimana fungsi masjid pada zaman Rasullullah SAW.

Pihak pengurusan masjid dari masa ke semasa telah berusaha untuk merancang pelbagai polisi yang berkesan untuk memakmurkan masjid. Perancangan pengurusan masjid yang berkesan selalunya berasaskan kepada kemahiran pengurusan iaitu sumber tenaga manusia dan juga berasaskan kepada sokongan ahli jemaah masjid terhadap aktiviti pengimarah masjid. Aktiviti pengimarah masjid yang dilaksanakan dikebanyakan masjid ialah kelas pengajian agama, ceramah agama berkala dan kursus jangka pendek.

Pengurusan Islam adalah sebahagian daripada sistem hidup bermasyarakat. Islam menentukan matlamat hidup yang ada hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan masyarakat dan hubungan manusia dengan alam persekitaran. Justeru, untuk mencapai objektif perancangan pengurusan pendidikan masjid secara berkesan, perancangan aktiviti hendaklah disusun dengan teratur. Pelbagai aktiviti pengimarah masjid harus dirancang dan dilaksanakan bagi tempoh tertentu kerana dalam tempoh itu akan dinilai oleh ahli jemaah masjid terbabit.

Jika diteliti secara umum cara urus tadbir pendidikan masjid di Malaysia terdapat di dalam pelbagai bentuk. Konsep urus tadbir pendidikan masjid lebih memfokuskan kepada aktiviti pengimarah masjid, antaranya ialah aktiviti kelas pengajian agama, kelas bimbingan al-Quran dan tajwid, kursus dan seminar isu semasa Islam, ceramah sempena hari kebesaran Islam, program ihya' Ramadhan, kursus-kursus jangka pendek yang dibincangkan dari perspektif ibadah dan dakwah.

8.0 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan rekabentuk kajian berbentuk deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui penggunaan set soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik kepada nazir-nazir masjid di Selangor. Berdasarkan Tuckmen (1985) kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik atau media-media. Kajian tinjauan secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Keadaan ini melibatkan pengumpulan data-data, membuat interpretasi (taksiran), perbandingan dan merumus generalisasi (kesimpulan secara umum) (Van Dalen, 1993).

Seramai 200 orang responden telah terlibat melalui jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Responden telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah. Sampel yang telah dipilih adalah mewakili jumlah nazir-nazir masjid di Selangor. Seterusnya, data yang diperolehi kemudian dianalisa dengan menggunakan SPSS Version 23.0 (Statistical Package for Social Science) dan dijelaskan dalam bentuk statistik deskriptif. Statistik deskriptif telah digunakan oleh penyelidik bagi menguji kekerapan, peratusan dan min untuk mengenalpasti strategi pengimarahannya masjid melalui gaya kepimpinan nazir masjid di Selangor.

9.0 Analisis Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu untuk mengenalpasti strategi pengimarahannya Masjid Kariah Negeri Selangor (*attention, interest, desire, dan action*). Bagi menentukan dimensi strategi pengimarahannya Masjid Kariah Negeri Selangor, data telah dianalisis menggunakan min dan sisihan piawai. Seterusnya nilai min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006). Norasmah (2001) dan Azhar (2006) telah membahagikan cara interpretasi dapatan deskriptif tersebut seperti dalam jadual 1 berikut.

Jadual 1 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad, (2006) dan Norasmah (2001)

10.0 Dapatan Kajian Strategi Pengimarahannya Masjid yang Dilaksanakan Melalui Kepimpinan Nazir

Jadual 2 di bawah menunjukkan strategi pengimarahannya masjid yang dilaksanakan melalui kepimpinan nazir (*attention, interest, desire, action*). Daripada analisis statistik deskriptif yang dijalankan, nilai-nilai yang diperolehi bagi setiap item tersebut adalah; min = 4.37, sp = 0.46 (*attention*), min = 4.15, sp = 0.44 (*interest*), min = 4.15, sp = 0.47 (*desire*), min = 3.84, sp = 0.53 (*action*). Nilai-nilai yang diperolehi daripada hasil analisis ini, apabila dirujuk kepada cara intepretasi yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) mendapati bahawa secara keseluruhan faktor-faktor yang

mempengaruhi gaya kepemimpinan nazir dalam meningkatkan pengimarahannya masjid adalah pada tahap sangat tinggi.

Apabila disusun daripada skor min yang tertinggi kepada skor min yang terendah didapati bahawa *attention* mempunyai skor min tertinggi, diikuti dengan *interest*, *desire* dan *action*. Secara keseluruhannya data ini menunjukkan bahawa strategi pengimarahannya masjid yang dilaksanakan melalui kepemimpinan nazir mampu meningkatkan pengimarahannya sesebuah masjid.

Jadual 2 Strategi Pengimarahannya Masjid Yang Dilaksanakan Melalui Kepimpinan Nazir

No.	Item Soalan	Min	SP	Tahap
1.	<i>Attention</i>	4.37	0.46	Sangat Tinggi
2.	<i>Interest</i>	4.15	0.44	Sangat Tinggi
3.	<i>Desire</i>	4.15	0.47	Sangat Tinggi
4.	<i>Action</i>	3.84	0.53	Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2020)

1. *Attention*

Jadual 3 di bawah menunjukkan respon yang diberikan oleh nazir terhadap item soalan yang berkenaan dengan *attention*. Nilai-nilai yang diperolehi adalah; (D1) Masjid menyediakan kemudahan asas yang selesa (min = 4.42). (D2) Kaedah promosi yang digunakan oleh pihak masjid sangat kreatif (min = 4.37). (D3) Pengiklanan aktiviti pihak masjid mampu menarik perhatian ahli kariah (min = 4.32). (D4) Program-program anjuran pihak masjid menarik perhatian dan sesuai dengan kehendak masyarakat (min = 4.33). (D5) Masjid digunakan sebagai pusat pelbagai kegiatan ahli kariah dan tidak terhad kepada melalukan solat lima waktu (min = 4.43). Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umumnya nazir-nazir memberikan respon yang baik dan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi pada setiap item.

Jadual 3 *Attention*

No.	Item Soalan	Min	Tahap
1	Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid menarik perhatian ahli kariah	4.42	Sangat Tinggi
2	Kaedah promosi yang digunakan oleh pihak masjid sangat kreatif	4.37	Sangat Tinggi
3	Pengiklanan aktiviti pihak masjid mampu menarik perhatian ahli kariah	4.32	Sangat Tinggi
4	Program-program anjuran pihak masjid menarik perhatian dan sesuai dengan kehendak masyarakat	4.33	Sangat Tinggi
5	Masjid digunakan sebagai pusat pelbagai kegiatan ahli kariah dan tidak terhad kepada melalukan solat lima waktu	4.43	Sangat Tinggi
Keseluruhan min		4.37	Sangat Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2020)

2. *Interest*

Jadual 4 di bawah menunjukkan respon yang diberikan oleh nazir terhadap item soalan yang berkenaan dengan *interest*. Nilai-nilai yang diperolehi adalah; (D6) Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mampu menarik minat ahli kariah (min = 4.20). (D7) Aktiviti yang dianjurkan pihak masjid bersesuaian dengan permintaan ahli kariah (min = 4.12). (D8) Aktiviti yang dianjurkan pihak masjid mampu menyelesaikan isu dan permasalahan dalam kalangan penduduk (min = 4.00). (D9) Pihak masjid menganjurkan program yang melibatkan semua jenis lapisan masyarakat (min = 4.22). (D10) Aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak masjid berkaitan dengan keadaan dan suasana kehidupan ahli kariah (min = 4.18). Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umumnya nazir-nazir memberikan respon yang baik dan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi kecuali pada item (D8) pada tahap skor min tinggi.

Jadual 4 *Interest*

No.	Item Soalan	Min	Tahap
6	Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mampu menarik minat ahli kariah	4.20	Sangat Tinggi
7	Aktiviti yang dianjurkan pihak masjid bersesuaian dengan permintaan ahli kariah	4.12	Sangat Tinggi
8	Aktiviti yang dianjurkan pihak masjid mampu menyelesaikan isu dan permasalahan dalam kalangan penduduk	4.00	Tinggi
9	Pihak masjid menganjurkan program yang melibatkan semua jenis lapisan masyarakat	4.22	Sangat Tinggi
10	Aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak masjid berkaitan dengan keadaan dan suasana kehidupan ahli kariah.	4.18	Sangat Tinggi
	Keseluruhan min	4.15	Sangat Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2020)

3. *Desire*

Jadual 5 di bawah menunjukkan respon yang diberikan oleh nazir terhadap item soalan yang berkenaan dengan *desire*. Nilai-nilai yang diperolehi adalah; (D11) Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mampu melahirkan keinginan ahli kariah untuk turut serta dalam majlis tersebut (min = 4.20). (D12) Maklumat terhadap hebahan sesuatu program mampu mewujudkan keinginan ahli kariah untuk hadir ke program (min = 4.21). (D13) Aktiviti anjuran pihak masjid mampu mewujudkan dalam diri ahli kariah tentang kelebihan menghadiri diri ke majlis tersebut (min = 4.16). (D14) Aktiviti yang dilaksanakan pihak masjid mampu meyakinkan ahli kariah supaya mereka mempunyai keinginan untuk hadir ke majlis (min = 4.10). (D15) Ahli kariah sentiasa cakna dan peka terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid (min = 4.10). Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umumnya nazir-nazir memberikan respon yang baik dan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi pada setiap item.

Jadual 5 *Desire*

No.	Item Soalan	Min	Tahap
11	Aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mampu melahirkan keinginan ahli kariah untuk turut serta dalam majlis tersebut	4.20	Sangat Tinggi

12	Maklumat terhadap hebahan sesuatu program mampu mewujudkan keinginan ahli kariah untuk hadir ke program	4.21	Sangat Tinggi
13	Aktiviti anjuran pihak masjid mampu mewujudkan dalam diri ahli kariah tentang kelebihan menghadirkan diri ke majlis tersebut	4.16	Sangat Tinggi
14	Aktiviti yang dilaksanakan pihak masjid mampu meyakinkan ahli kariah supaya mereka mempunyai keinginan untuk hadir ke majlis	4.10	Sangat Tinggi
15	Ahli kariah sentiasa cakna dan peka terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid	4.10	Sangat Tinggi
Keseluruhan min		4.15	Sangat Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2020)

4. Action

Jadual 6 di bawah menunjukkan respon yang diberikan oleh nazir terhadap item soalan yang berkenaan dengan *desire*. Nilai-nilai yang diperolehi adalah; (D16) Nazir mampu mengarahkan ahli kariah untuk hadir ke program-program anjuran masjid (min = 3.77). (D17) Nazir mampu mempengaruhi ahli kariah untuk membuat tindakan iaitu hadirkan diri ke program-program anjuran masjid (min = 3.49). (D18) Nazir masjid memberikan hadiah kepada ahli kariah terpilih yang selalu hadir ke program-program anjuran masjid (min = 3.66). (D19) Nazir masjid sentiasa membuat perancangan untuk mendorong ahli kariah berlumba-lumba mengimarahkan masjid dengan memberikan penghargaan berbentuk material dan lain-lain kelebihan (min = 4.20). (D20) Nazir masjid sentiasa cakna dan peka terhadap isu dan permasalahan ahli kariah (min = 4.09). Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umumnya nazir-nazir memberikan respon yang baik dan memperolehi skor min pada tahap sangat tinggi kecuali pada item (D16), (D17) dan (D18) iaitu pada tahap skor min tinggi sahaja.

Jadual 6 Action

No.	Item Soalan	Min	Tahap
16	Nazir mampu mengarahkan ahli kariah untuk hadir ke program-program anjuran masjid	3.77	Tinggi
17	Nazir mampu mempengaruhi ahli kariah untuk membuat tindakan iaitu hadirkan diri ke program-program anjuran masjid	3.49	Tinggi
18	Nazir masjid memberikan hadiah kepada ahli kariah terpilih yang selalu hadir ke program-program anjuran masjid	3.66	Tinggi
19	Nazir masjid sentiasa membuat perancangan untuk mendorong ahli kariah berlumba-lumba mengimarahkan masjid dengan memberikan penghargaan berbentuk material dan lain-lain kelebihan	4.20	Sangat Tinggi
20	Nazir masjid sentiasa cakna dan peka terhadap isu dan permasalahan ahli kariah	4.09	Sangat Tinggi
Keseluruhan min		3.84	Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2020)

11.0 Perbincangan

Masjid merupakan simbol kepada perpaduan umat Islam yang perlu dikekalkan. Masjid juga merupakan institusi terpenting dalam Islam yang berperanan merealisasikan beberapa tuntutan utama maqasid syariah untuk umatnya (Zulkifli Muda, Nizaita Omar, 2008). Masjid mempunyai pengaruh yang sangat besar di dalam pembangunan masyarakat. Institusi masjid pada hari ini bukan sekadar menjadi tempat mendengar dan mengambil ilmu tetapi ianya juga medan pembangunan sosial dan peradaban masyarakat.

Kesedaran mengimarahkan masjid sangat penting pada setiap individu Muslim. Ianya merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul setiap Muslim. Kesedaran ini perlu ditanam supaya masjid sentiasa diimarahkan dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat. Untuk melaksanakan kerangka pengimarahkan, pengurusan masjid sangat memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan berjalan dengan lancar. Dalam perancangan ini, perlunya idea-idea baru yang mampu membawa pengurusan masjid mencapai matlamatnya. Pengurusan masjid haruslah diberikan nafas baru sesuai dengan peredaran masa dan keadaan masyarakat supaya dapat mencapai matlamat dan objektif (Roslan Mohamed, 2008: 5).

Hasil kajian mengenai strategi pengimarahkan masjid yang menyumbang kepada kecemerlangan masjid menerusi maklum balas soal selidik yang dijalankan, kajian mendapati strategi pengimarahkan melalui gaya kepimpinan nazir ialah berdasarkan *attention, interest, desire* dan *action*.

Dapatan menunjukkan bahawa strategi pengimarahkan masjid melalui gaya kepimpinan nazir (*attention*) adalah pada nilai min 4.37 iaitu pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa *attention* (mendapatkan perhatian) merupakan penggerak utama dalam merangka strategi kepada pengimarahkan masjid. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan dan Rashidah Ahmad Dahari (2008) yang menyebut kaedah yang kreatif dan idea idea yang bernas dalam mengiklankan aktiviti masjid boleh menarik perhatian masyarakat dalam memakmurkan sesebuah masjid. Disamping itu, masyarakat akan tertarik bila pengurusan fasiliti dan kemudahan dari segi kebersihan masjid dijaga dan dipelihara dengan baik, mempunyai kepelbagaian aktiviti dakwah yang melibatkan semua peringkat umur dan memenuhi kehendak semasa masyarakat adalah kunci kejayaan dalam mengimarahkan masjid.

Kemudian diikuti dengan strategi yang kedua iaitu *interest* adalah pada nilai min 4.15 pada tahap sangat tinggi. Dapatan menunjukkan responden bersetuju bahawa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid mampu menarik minat ahli kariah apabila program yang dilaksanakan itu bersesuaian terhadap semua lapisan masyarakat dan berkaitan dengan keadaan semasa dan suasana kehidupan ahli kariah. Dapatan ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Ajmain @ Jimaain Safar (2008) bahawa setiap aktiviti yang dianjurkan itu haruslah menarik minat masyarakat. Aktiviti yang hendak dilakukan haruslah berdasarkan keutamaan, kemampuan, dan perkembangan semasa.

Desire wujud dalam kalangan ahli kariah apabila attention mampu melahirkan rasa interest. Peranan attention dan interest sangat penting supaya mampu melahirkan rasa desire iaitu dengan adanya maklumat aktiviti yang lengkap, membina keyakinan seterusnya merangsang '*emotional*' masyarakat untuk mengimarahkan masjid. Hasil dapatan menunjukkan desire adalah pada nilai min 4.15 iaitu pada tahap sangat tinggi. Abdul Malik (2005) menyokong bahawa pada tahap ini, kebijaksanaan kepimpinan masjid dari segi organisasi, aktiviti, prasana, perkhidmatan dan sebagainya sangat penting untuk meramaikan pengunjung ke masjid seterusnya menjadikan masjid sebagai sebagai institusi yang dinamik ke arah membangunkan modal insan.

Action adalah peringkat terakhir dimana masyarakat akan membuat tindakan atau keputusan sama ada pergi ke masjid atau sebaliknya. Hasil dapatan menunjukkan nilai min pada item action adalah 3.84 iaitu pada tahap tinggi. Keberkesanan daripada *attention*, *interest* dan *desire* akan membawa kepada matlamat (*action*) yang ingin dicapai. Secara keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pengimarahkan masjid yang dilaksanakan melalui kepimpinan nazir mampu meningkatkan pengimarahkan sesebuah masjid.

12.0 Kesimpulan

Kecemerlangan masjid berkait secara langsung dengan pihak kepimpinan di masjid. Hal ini kerana pengurusan masjid yang cemerlang pada zaman awal kebangkitan Islam dapat melahirkan ramai tokoh ulama yang bertebaran di seluruh dunia Islam. Sebaliknya kelemahan dan kejatuhan umat Islam kini adalah berpunca daripada kelemahan kepimpinan dalam pengurusan institusi masjid. Oleh yang demikian, pemimpin yang berkesan perlu memainkan peranan penting dalam memangkin kecemerlangan masjid sehingga dapat membina masyarakat yang beriman. Antara strategi pengimarahkan masjid yang dilaksanakan melalui kepimpinan nazir adalah *attention*, *interest*, *desire* dan *action*. Gaya Kepimpinan yang proaktif dan kreatif dalam menyediakan pelbagai aktiviti, kemudahan dan bantuan dapat menarik minat semua lapisan masyarakat Islam terhadap masjid bukan sahaja daripada golongan veteran, malah belia, remaja dan kanak-kanak turut tertarik. Selain itu, kaedah promosi yang kreatif iaitu melalui kemudahan media massa sebagai medium mampu dalam menarik minat masyarakat terhadap masjid. Media cetak dan media elektronik merupakan tumpuan masyarakat untuk mendapatkan maklumat, maka iklan-iklan yang berkaitan masjid dijadikan agenda utama supaya masyarakat sedar akan peranan masjid dan berminat untuk menyumbang kepada masjid. Kesedaran untuk mengimarahkan masjid sangat penting pada setiap individu Islam. ini kerana masjid memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mencorakkan aspek hidup Muslim dari segi spiritual dan juga fizikal.

Penghargaan

Artikel ini merupakan antara pembentangan dapatan kajian bertajuk Pengaruh Gaya Kepimpinan Nazir Terhadap Pengimarahkan Masjid di Negeri Selangor. Penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai pemberi dana penyelidikan iaitu kategori Geran Penyelidikan Insentif (GPI), KUIS/2019/GPIK-24/GPI/22.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Ab. Aziz Mohd Zain. 2002. Pembangunan Minda Pegawai Masjid. Di Seminar Pembangunan Masjid. Dewan Kuliah Utama Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya 28 Disember 2002 Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademik Pengajian Islam UM.
- Abdul Rofiq, Zainul Arifin, Wilopo. 2012. Penerapan AIDA Terhadap Keputusan Pembelian. Jawa Timur: Universitas Brawijaya Angkatan.Swastha, Basu dan Irawan. 2002. Manajemen Pemasaran Modern.Yogyakarta: Liberty.
- Abdul Malik Hussin. 2005. Pengurusan Masjid Yang Sistematis, Dinamik dan Inovatif. Kertas kerja Muzakarah Pegawai Pengurusan Masjid Peringkat Negeri Johor di Dewan Besar Kompleks Islam Jabatan Agama Johor.
- Abdullah Hassan Ph. D. & Ainon Mohd. (2011). Bakat & Kemahiran Memimpin. Selangor: PTS Professional Sdn. Bhd
- Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan, Rashidah Ahmad Dahari. 2008. Manual Prosedur Kerja (MPK): Ke Arah Memantapkan Pengurusan Masjid. Dalam. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. (Pnyt). Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ajmain @ Jimaain Safar. 2008. Institusi Masjid Dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan. Dalam. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. (Pnyt). Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali Mahfuz, Syekh: Hidayah al-Mursyidin Ila Turuq al-Wa'z wa al-Khitabah (Qaherah: Dar al-„Itisom, 1979).
- Amstrong, Gery, Philip Kotler. 2001. Prinsip-Prinsip Pemasaran. Jilid 1. Jakarta: Erlangga.
- Assael. 2002. Consumer Behavior. Edisi Bahasa Indonesia. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Hailan Salamun. (2010). Kepemimpinan Rabbani Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Institut Pengajian Kependidikan, Universiti Malaya.
- Ismail Noor. (2002). Prophet Muhammad's leadership the paragon of excellence altruistic management. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulusshdi Salleh, Norhayati Salleh. 2008. Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan Ke Atas Masjid Cemerlang. Dalam. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid. (Pnyt). Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Ismail bin Mustari dan Idris bin Ismail (2004). Peranan Masjid Dalam Membangunkan Ummah. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004. 25-27 September. Kedah: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia

Roslan Mohamed. (2008). Pemerkasaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional. Dalam Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (Eds.). (2008). Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1sted.). Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1-12.